

Publication	Berita Harian	Section/Page No.	
Date	Isnin, 26 September 2022	Lead Article	
Headline	Takaful Malaysia Harap Program Baucar Perlindungan Tenang Diteruskan		

Takaful Malaysia harap Program Baucar Perlindungan Tenang diteruskan



Pengerusi Kumpulan, Media Prima Bhd, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid (duduk, dua dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia Keluarga, Nor Azman Zainal (duduk, tengah) bergambar bersama pengurusan tertinggi Media Prima dan Takaful ketika lawatan korporat Takaful Malaysia ke Sri Pentas, Bandar Utama, Petaling Jaya - Foto NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali

KUALA LUMPUR: Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd (Takaful Malaysia) berharap Program Baucar Perlindungan Tenang yang diperkenalkan kerajaan pada bajet tahun lalu dapat diteruskan dalam Bajet 2023.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia, Nor Azman Zainal, berkata ia berikutan tahap kesedaran bagi memiliki perlindungan takaful masih lagi rendah dalam kalangan masyarakat.

Beliau berkata, selain itu bagi membantu peningkatan kadar penembusan industri takaful di negara ini, program itu wajar diteruskan kerajaan.

"Paling penting kita harus melihat keperluan untuk meningkatkan kesedaran takaful dalam negara kerana kadar penembusannya masih lagi di bawah 20 peratus.

"Malah masih ramai beranggapan takaful ini hanya terhad kepada takaful motor saja, walhal, selain takaful keluarga dan am, banyak lagi produk di bawah perlindungan takaful contohnya untuk bencana banjir, kebakaran, perlindungan bagi penyakit kritikal, simpanan dan pendidikan boleh didapati.

"Jadi saya harap, menuju ke depan, program itu dapat diteruskan lagi supaya kita boleh membantu bukan sahaja golongan B40 mendapat perlindungan, malah kumpulan M40 yang turut sama merasai tekanan ekonomi, itu menjadi harapan kami," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media sempena lawatan korporat Takaful Ikhlas ke Media Prima Berhad (Media Prima) di Sri Pentas, dekat sini hari ini.

Menyambut kedatangan syarikat itu, Media Prima diwakili Pengerusi Kumpulan, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid; Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP), Mustapha Kamil Mohd Janor; Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima Audio, Nazri Noran; Ketua Pegawai Operasi Media Prima Omnia, Mohd Efendi Omar dan Pengurus Besar Kumpulan, Pejabat Pengerusi MPB, Azlan Abdul Aziz.

Selain itu Nor Azman, berkata pembentangan Bajet 2023 nanti diharap dapat menyentuh mengenai akses mudah kepada takaful sekali gus meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan takaful di negara ini.

Sementara itu beliau berkata, Takaful Malaysia juga berharap untuk menjalin kerjasama lebih rapat dengan Media Prima bagi menembusi pasaran perlindungan insurans dan takaful dalam negara.

"Kunjungan ini juga bertujuan membolehkan syarikat memahami dengan lebih dekat operasi penyiaran serta mengeratkan lagi hubungan untuk manfaat bersama.

"Melangkah ke hadapan saya berharap Takaful Malaysia dan Media Prima Omnia dapat mengembangkan lagi kerjasama sedia ada terutama bagaimana untuk melaksanakan strategi menembusi pasaran takaful menggunakan platform masing-masing," katanya.